

KECEKAPAN KOMUNIKASI DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI: KAJIAN LITERATUR

Nur'aina Nabila Dundai binti Abdullah
Universiti Islam Selangor (UIS)
E-mel: nurainanabila@uis.edu.my

ABSTRAK

Kemahiran komunikasi merupakan elemen penting dalam pembangunan akademik dan sosial pelajar universiti khususnya untuk dunia pekerjaan nanti. Kajian ini meneliti kecekapan komunikasi dalam kalangan pelajar universiti berdasarkan sorotan literatur terdahulu. Fokus diberikan kepada faktor yang mempengaruhi kecekapan komunikasi serta kepentingannya terhadap kejayaan akademik dan sosial pelajar. Kemahiran komunikasi yang baik membantu pelajar berinteraksi secara efektif, meningkatkan keyakinan diri dan bersedia menghadapi dunia profesional. Kajian ini juga mencadangkan keperluan latihan dan sokongan yang berterusan bagi memperkukuhkan kecekapan komunikasi dalam kalangan pelajar.

Kata kunci: Kemahiran komunikasi; pelajar universiti; sorotan literatur

1. PENGENALAN

Komunikasi merupakan elemen yang penting dalam pembentukan hubungan sosial, penyampaian ilmu serta perkembangan diri individu. Dalam konteks pendidikan, kecekapan komunikasi dalam kalangan pelajar sangat penting dan membantu keberkesanan proses pembelajaran serta interaksi harian mereka.. Salleh et al. (2020) mentakrifkan kemahiran berkomunikasi sebagai suatu kaedah penyampaian idea atau buah fikiran secara teratur dan sistematik. Kemahiran komunikasi juga merangkumi keupayaan menggunakan komunikasi lisan dan bukan lisan dengan baik (Shubhda & Ed, 2020). Sementara itu, Cuic Tankovic et al., (2022) mengkategorikan kemahiran komunikasi kepada lima aspek utama iaitu kemahiran bertulis, lisan, mendengar, digital dan bukan lisan. Dapatlah disimpulkan bahawa kecekapan komunikasi merujuk kepada kebolehan seseorang individu dalam menyampaikan maklumat dengan jelas dan berkesan, memahami mesej yang diterima serta menyesuaikan gaya komunikasi mengikut pelbagai situasi sosial.

Menurut Ibrahim dan Mahbob (2021), kemahiran komunikasi adalah sangat penting dalam bidang akademik dan juga dunia kerjaya. Tidakbolehan menguasai kemahiran komunikasi boleh menjejaskan kredibiliti graduan sekali gus menyukarkan mereka bersaing di peringkat global (Awaludin & Ali, 2024). Di samping itu, komunikasi juga memainkan peranan yang signifikan dalam merapatkan hubungan dengan rakan sekerja, melaksanakan tugas secara berkumpulan, menyampaikan maklumat dengan jelas, bertindak secara diplomatik dan menyelesaikan masalah (Hamid, Effendi & Mohd, 2022).

Sehubungan itu, universiti sangat berperanan penting dalam melahirkan graduan yang berkemahiran dalam pelbagai bidang bagi memenuhi keperluan pasaran. Kemahiran ini bukan hanya berfokus kepada pencapaian akademik semata tetapi juga merangkumi kemahiran generik atau *soft skills* untuk membolehkan mereka berdaya saing di peringkat global. Kemahiran komunikasi juga suatu keperluan yang penting terutamanya dalam proses mendapatkan pekerjaan (Iksan et al. 2012). Pelajar yang memiliki kemahiran komunikasi yang baik berpotensi mencapai kecemerlangan akademik di samping

mampu membina rangkaian profesional serta mampu menyesuaikan diri dengan pelbagai persekitaran. Kemahiran komunikasi juga penting dalam merangsang perkembangan keupayaan intelektual, kematangan emosi dan sosial serta membantu pelajar menangani pelbagai cabaran (Kusmiarti & Yuniati, 2020).

Menurut Ngadiman dan Jamaludin (2018), penguasaan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar boleh dijadikan sebagai petunjuk utama tahap kebolehpasaran graduan. Kecekapan komunikasi bukan sahaja memperkukuhkan daya saing mereka malah turut menyokong pembangunan modal insan yang holistik. Kemahiran komunikasi turut diiktiraf sebagai salah satu komponen penting dalam kemahiran kebolehpasaran dan disenaraikan sebagai sebahagian daripada kemahiran pembelajaran abad ke-21 (Kenayathulla, Ahmad, & Idris, 2019). Implikasinya, pelajar bukan sahaja perlu menguasai pengetahuan akademik tetapi juga kemahiran komunikasi yang berkesan bagi membolehkan mereka berfungsi secara profesional, bekerjasama dalam pasukan dan menyesuaikan diri dalam persekitaran kerja yang dinamik dan berbilang budaya.

Pengkaji terdahulu memperlihatkan kepentingan komunikasi dan mengetahui dengan lebih mendalam tahap kemahiran berkomunikasi pelajar yang secara tidak langsung dapat membantu pelajar untuk lebih yakin dan memberi peluang yang lebih luas bagi menempuh hidup dan masa hadapan yang sangat mencabar (Ismail Rani & Othman, 2022). Kemahiran insaniah seperti komunikasi berkesan, hubungan interpersonal, pemikiran kritis dan etika kerja yang tinggi merupakan antara ciri utama yang diambil kira oleh majikan dalam proses penilaian calon pekerjaan (Bhatia et al. 2021; Kenayathulla et al., 2019). Dalam hal ini, Holik dan Sanda (2020) turut menegaskan bahawa graduan baharu perlu memenuhi pelbagai jangkaan dalam pasaran kerja termasuk kepentingan dan potensi pembangunan kemahiran komunikasi di peringkat pendidikan tinggi. Sehubungan itu, kajian literatur ini bertujuan untuk mengenal pasti kepentingan komunikasi berkesan dalam kalangan pelajar serta menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kecekapan tersebut.

2. SOROTAN LITERATUR

Hasil kajian menunjukkan bahawa jantina tidak memberikan kesan yang signifikan terhadap penguasaan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar walaupun secara keseluruhan mereka memperlihatkan tahap penguasaan yang positif dan tinggi (Mohd Dazali & Awang, 2014; Taher & Razak, 2022). Namun kajian Hariyanto et al., (2019) menunjukkan wujudnya perbezaan dalam kemahiran komunikasi antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Didapati pelajar perempuan lebih terperinci dalam komunikasi lisan terutamanya dari segi pembentangan, interaksi berkumpulan, memberi maklum balas terhadap pembentangan, penyampaian data, penulisan serta memberi nasihat. Sebaliknya pelajar lelaki pula lebih menonjol dalam bersoal jawab, menjana idea, membincangkan hasil pemerhatian dan merumuskan kesimpulan. Begitu juga penemuan Vogel, Meyer dan Harendza (2018) yang mendapati pelajar perempuan lebih mahir dalam komunikasi lisan berbanding pelajar lelaki.

Kajian Sabbah, Hallabieh dan Hussein (2020) mendapati pelajar universiti mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi dalam mendengar, bercakap, dan memahami orang lain, namun masih sederhana dalam mengawal emosi. Pemantapan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar merupakan elemen asas dalam usaha membentuk personaliti yang seimbang, memupuk interaksi sosial yang berkesan, serta memperkukuh kebolehpasaran mereka dalam menghadapi cabaran dunia kerjaya yang semakin

kompetitif (Yahaya 2009). Keperluan ini juga sejajar dengan dasar pendidikan negara yang menekankan pembangunan modal insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan sosial, selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) untuk melahirkan individu yang berdaya saing di peringkat global.

Kajian Ngadiman dan Jamaludin (2018) menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan antara kemahiran komunikasi dan kemahiran kerja berpasukan, sekali gus membuktikan bahawa penguasaan komunikasi yang baik dapat menyumbang kepada peningkatan keupayaan bekerja secara kolaboratif dalam kalangan individu di alam pekerjaan. Selaras dengan itu Pujiana et al., (2024) menegaskan bahawa komunikasi yang berkesan bukan sahaja merangsang pemikiran kritis, malah menjadi indikator penting dalam menghadapi cabaran serta nilai tambah dalam pengalaman pendidikan pelajar. Sementara itu, kajian Awaludin dan Ali (2024) terhadap mahasiswa APIUM mendapati tahap kemahiran komunikasi pelajar berada pada tahap sederhana, khususnya dari aspek keyakinan diri dan kebolehpasaran. Mereka mencadangkan agar pelajar terlibat secara aktif dalam bengkel komunikasi serta program seperti pengucapan awam dan debat sebagai langkah berkesan untuk memperkukuh kemahiran komunikasi. Justeru, komunikasi yang berkesan memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan kerja berpasukan dan pemikiran kritis, dan pelajar disarankan menyertai pelbagai aktiviti sokongan yang mampu mempertingkatkan kecekapan komunikasi mereka secara menyeluruh. Secara keseluruhannya, dapatan kajian-kajian ini menegaskan bahawa kemahiran komunikasi bukan sahaja menjadi teras kepada kebolehpasaran graduan malah turut menyumbang kepada pembangunan sahsiah, pemikiran reflektif dan kompetensi profesional yang diperlukan dalam era persaingan global.

Dalam konteks kemahiran insaniah, pentingnya pelajar menguasai kemahiran komunikasi sebagai pelengkap kepada pengetahuan akademik mereka (Khoiriah et al. 2023). Dapatan Ichsan, Adawiyah dan Wilujeng (2020) menunjukkan terdapatnya hubungan yang positif antara kemahiran komunikasi dengan keberkesanan diri pelajar dalam pembelajaran di mana perlunya mereka menguasai kemahiran bertutur dan mendengar dengan berkesan. Oleh itu, penguasaan kecekapan komunikasi dalam kalangan pelajar bukan sahaja sebagai pelengkap kepada aspek akademik malah turut menyumbang kepada pembentukan keberkesanan diri dalam proses pembelajaran secara menyeluruh. Kecekapan berkomunikasi yang berkesan secara langsung dapat mengembangkan kerjaya mereka khususnya dalam melaksanakan tugas secara berkesan, menyelesaikan masalah, mengumpul maklumat serta berinteraksi dengan individu lain (Sumaiya et al. 2022). Justeru itu, kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar universiti sangat penting kerana ia berpotensi tinggi dalam meningkatkan perkembangan peribadi, pretasi akademik dan sosial (Al-Alawneh et al. 2019; Palos & Petrovici, 2014).

Penting untuk pelajar menguasai kemahiran komunikasi bagi memenuhi keperluan pasaran kerja selepas bergraduasi. Kajian oleh majikan di Amerika Syarikat, Baird dan Parayitam (2019) mendapati enam kemahiran utama yang dianggap paling penting ialah kemahiran interpersonal dalam berinteraksi dengan orang lain, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran mendengar, kemahiran komunikasi lisan, profesionalisme serta motivasi diri. Kajian mereka menunjukkan bahawa kemahiran interpersonal ialah keupayaan yang paling penting diikuti oleh pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan kemahiran mendengar. Didapati kebanyakan graduan baharu menghadapi kesukaran semasa temu duga pekerjaan kerana mereka tidak memiliki kemahiran komunikasi yang baik dan tidak dapat bertutur dengan lancar (Skarbalienė et al., 2019). Ini juga mengakibatkan sebilangan graduan sukar untuk dinaikkan pangkat disebabkan kelemahan dalam kemahiran komunikasi setelah mendapat pekerjaan.

Menurut Ibrahim dan Mahbob (2021), kemahiran komunikasi bukan lisan berperanan penting dalam membentuk keterampilan peribadi pelajar malah membantu mereka menyesuaikan diri dalam dunia pekerjaan. Sementara itu, Shubhda dan Ed (2020) mendapati majikan dalam dunia korporat sangat mementingkan kemahiran komunikasi yang merangkumi aspek lisan, bertulis dan sosial sebagai faktor utama dalam pencarian calon pekerja bagi memenuhi keperluan industri. Walau bagaimanapun, kajian Krishnan et al. (2019) mendapati bahawa majoriti graduan baru masih lemah dalam penguasaan kemahiran komunikasi khususnya dari segi kejelasan, kesempurnaan, keringkasan dan ketepatan. Selain itu, masalah seperti ketidaktepatan perbendaharaan kata, ayat yang tidak lengkap, jawapan kurang terperinci serta kesalahan tata bahasa merupakan suatu cabaran yang perlu diberi perhatian terutamanya sebagai persediaan dalam temu duga kerjaya. Zhang (2018) menekankan pentingnya komunikasi interpersonal yang berkesan dalam konteks profesional bagi meningkatkan interaksi di tempat kerja. Pelajar juga perlu menguasai kemahiran komunikasi lisan dalam proses pemikiran dan pembelajaran agar dapat membantu mereka menyampaikan maklumat dan pendapat, memahami konsep serta berkongsi pengalaman dan kepakaran secara berkesan (Agustina & Setiawan, 2020).

Kajian Ong et al., (2022) mendedahkan jurang persepsi antara pelajar, pensyarah dan majikan apabila pelajar menilai diri mereka lebih tinggi dalam kemahiran membaca, menulis dan kebolehpasaran. Sebaliknya pihak industri lebih menekankan komunikasi lisan, pembentangan dan penyelesaian masalah. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tanggapan yang terlalu optimistik terhadap tahap kesiapsiagaan mereka dalam menghadapi realiti alam pekerjaan. Kajian Ab Rahman et al., (2019) mendapati bahawa ramai graduan baharu masih kurang mahir dalam aspek komunikasi seperti kemahiran perundingan, pembentangan dan temu duga. Penemuan ini menekankan keperluan institusi pengajian tinggi untuk mengimbangi pencapaian akademik dengan pembangunan kemahiran insaniah secara holistik agar graduan bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi turut memiliki kecekapan dalam kemahiran insaniah yang lain.

Kajian lepas turut menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Kajian Royo dan Muda (2011) menunjukkan bahawa tahap penguasaan kemahiran komunikasi pelajar dipengaruhi oleh latar belakang keluarga, suasana pembelajaran, budaya, rakan sebaya dan media massa. Penggunaan aplikasi WhatsApp secara aktif dalam pembelajaran juga berkait rapat dengan peningkatan kemahiran komunikasi pelajar dan berpotensi melahirkan graduan yang kompeten mengikut kehendak industri (Morsidi et al., 2021). Dalam kajian berkaitan, Che Noh et al., (2022) turut membuktikan bahawa terdapat hubungan signifikan antara penggunaan e-pembelajaran dan kompetensi komunikasi pelajar sekali gus menunjukkan bahawa platform digital mampu meningkatkan kecekapan komunikasi melalui aktiviti dalam talian dan penggunaannya wajar dikembangkan seiring dengan kemajuan teknologi masa kini.

Beberapa faktor turut menyumbang kepada kelemahan kemahiran komunikasi pelajar. Antaranya ialah kurang latihan, tabiat membaca yang lemah, penguasaan perbendaharaan kata yang rendah serta pembelajaran berasaskan hafalan (Palpanadan, Ahmad & Ravana 2019). Noor dan Foon (2022) juga mendapati faktor seperti kebimbangan, kurang keyakinan, gangguan pertuturan, penguasaan bahasa yang lemah dan kekurangan latihan turut mempengaruhi kemahiran komunikasi pelajar. Faktor ini boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk berkomunikasi dengan berkesan dan tegas terutamanya semasa temu duga kerja. Malah ia juga boleh mencetuskan konflik apabila bahasa yang digunakan tidak sesuai dalam situasi tertentu.

Krishnan et al. (2019) turut mendapati kebanyakan graduan baharu lemah dalam aspek kejelasan, kelengkapan, kepadatan dan ketepatan komunikasi termasuk penggunaan kosa kata yang tidak tepat, ayat tidak lengkap, jawapan yang kurang terperinci serta kesalahan tatabahasa. Bagi mengatasi kelemahan ini, mereka mencadangkan agar elemen 4C iaitu kejelasan (*clarity*), kepadatan (*conciseness*), kelengkapan (*completeness*) dan ketepatan (*correctness*) perlu dimasukkan ke dalam modul pengajaran kemahiran komunikasi. Shrivastava, Ovais dan Arora (2021) juga mendapati kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan antara halangan komunikasi yang dihadapi oleh pelajar. Oleh itu, kecekapan berkomunikasi yang berkesan merupakan antara kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh setiap graduan dalam memenuhi keperluan alam pekerjaan (Kalia et al., 2022).

Dari segi pembangunan kemahiran di tempat kerja, latihan industri menyediakan peluang yang terbaik kepada pelajar untuk mengasah kecekapan komunikasi melalui pendedahan langsung kepada situasi dunia sebenar. Kajian Rodzalan, Mohd Arif dan Mohamed Saat (2016) menunjukkan berlakunya peningkatan kemahiran komunikasi yang ketara selepas mereka menjalani latihan industri. Manakala Manan dan Ahmad (2017) pula mendapati bahawa faktor komunikasi dalam persekitaran latihan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembelajaran sendiri dan tingkah laku pelatih sekali gus membuktikan bahawa komunikasi merupakan asas utama kepada keberkesanan latihan. Dalam konteks yang lebih luas, Yaseen et al. (2021) menyatakan bahawa ketua perniagaan dan pendidik turut bersetuju dengan kepentingan komunikasi bertulis dalam kalangan pelajar dan pekerja walaupun terdapat perbezaan dari segi kemahiran individu tertentu. Menyokong kepentingan ini, Erozkhan (2013) mengatakan bahawa kemahiran komunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah interpersonal berkait rapat dengan efikasi sendiri sosial yang menjadi peramal penting terhadap keupayaan pelajar berinteraksi dalam persekitaran sosial dan profesional. Mana kala kajian Anvari dan Atiyaye (2014) menunjukkan bahawa dimensi komunikasi berkait rapat secara positif dengan pemindahan maklumat dan program latihan yang boleh meningkatkan kesedaran pelajar terhadap komunikasi berkesan. Ini menjelaskan bahawa komunikasi berkesan bergantung kepada dimensi komunikasi yang tepat dan boleh ditingkatkan melalui program latihan.

3. KEPERLUAN LATIHAN DAN SOKONGAN BERTERUSAN BAGI MEMPERKUKUH KECEKAPAN KOMUNIKASI PELAJAR

Kemahiran komunikasi yang berkesan bukan sahaja menjadi elemen penting dalam pencapaian kecemerlangan akademik malah turut menjadi teras utama kepada kebolehpasaran graduan serta pencapaian dalam kerjaya profesional. Menurut Awaludin dan Zin (2024) pelaksanaan bengkel pemantapan kemahiran komunikasi serta penglibatan aktif dalam pelbagai program seperti pengucapan awam dan debat merupakan antara pendekatan yang berkesan dalam memperkukuh kecekapan komunikasi dalam kalangan pelajar. Noor Lina Mohd Yusuf et al. (2022) pula menyarankan pendekatan main peranan sebagai suatu kaedah pembelajaran yang berkesan kerana ia boleh menyediakan persekitaran yang selamat kepada pelajar untuk meneroka dan melatih kemahiran komunikasi dalam konteks yang menyerupai situasi sebenar.

Pelajar juga perlu menguasai kemahiran komunikasi dan pembinaan profesional yang berterusan bagi mempersiapkan diri menghadapi cabaran dunia pekerjaan (Ansari et al. 2022). Sementara penemuan Sopi dan Othman (2024) turut menyokong kepentingan ini apabila mendapati bahawa kemahiran komunikasi pelajar Diploma Teknologi Pembinaan dari kolej vokasional di Pantai Timur dinilai tinggi

oleh pelajar sendiri dan pengamal industri. Hal ini menunjukkan bahawa meskipun tahap kemahiran komunikasi pelajar adalah memberangsangkan namun usaha penambahbaikan secara berterusan tetap perlu dilakukan sebagai persiapan menghadapi sesi temu duga serta realiti kerjaya yang semakin mencabar. Selaras dengan itu, kajian Sengpoh (2023) menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran aktif bukan sahaja mampu memperkasakan pemikiran kritis dan kemahiran kolaboratif malah turut memperkukuhkan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar.

Menurut Reith-Hall dan Montgomery (2023), kemahiran komunikasi seperti empati bukan sahaja boleh dipelajari malah latihan yang terancang dan berstruktur mampu membawa kepada peningkatan yang ketara dalam meningkatkan kecekapan komunikasi. Sehubungan itu, Mata et al., (2021) turut menekankan bahawa latihan memainkan peranan juga penting dalam memperkukuhkan prestasi serta membentuk kecerdasan sendiri profesional khususnya dalam aspek komunikasi. Ini menunjukkan pentingnya pembangunan program latihan kemahiran komunikasi yang lebih sistematik dan berfokus bagi memenuhi keperluan semasa (Ali, 2023). Pelbagai kajian menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi bukanlah sesuatu yang bersifat semula jadi tetapi boleh dibentuk dan dipertingkatkan melalui latihan yang berkesan. Oleh itu, pembangunan program latihan komunikasi yang sistematik, tersusun dan kontekstual perlu diberi perhatian serius dalam usahameningkatkan kualiti interaksi profesional dan keberkesanan penyampaian dalam pelbagai bidang. Segala bentuk ketidakcekapan komunikasi perlu ditangani melalui pelaksanaan inisiatif strategik yang dapat memperkukuhkan amalan komunikasi pelajar ke arah mewujudkan suasana pembelajaran yang harmoni, kolaboratif dan berdaya saing.

4. KESIMPULAN

Kemahiran komunikasi yang berkesan bukan sahaja menjadi keperluan asas dalam pembelajaran akademik malah turut memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan kebolehpasaran graduan dan pencapaian kerjaya profesional. Oleh itu, usaha berterusan perlu digembleng bagi memastikan kemahiran ini dapat dibangunkan secara menyeluruh dalam kalangan pelajar sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan.

5. RUJUKAN

- Ab Rahman, Faizahani, Abdul Halim Mohamed, Nurul Shahidah Ahmad Nasir, and Khaliza Saidin. 2019. "Exploring Perceptions of Employers on Communication Skills Among Fresh Graduates." *Practitioner Research* 1:69–85. doi: 10.32890/pr2020.1.4.
- Agustina, Lia, and R. Setiawan. 2020. "Fostering a Natural Atmosphere; Improving Students' Communication Skill in a Business Meeting." *Journal of Languages and Language Teaching* 8(3):307. doi: 10.33394/jollt.v8i3.2746.
- Al-Alawneh, Muhammad Khaled, Mahir Shafeeq Hawamleh, Dina A. H. Al-Jamal, and Ghada Suleiman Sasa. 2019. "Communication Skills in Practice." *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research* 18(6):1–19. doi: 10.26803/ijlter.18.6.1.
- Ali, Abrar Ashraf. 2023. "Communication Skills Training of Undergraduates." *Journal of the College of Physicians and Surgeons Pakistan* 23(1):10–15.
- Ansari, Shagufta N., Pramod Kumar, Vipin Jain, and Guroo Narayan Singh. 2022. "Communication Skills among University Students." *World Journal of English Language* 12(3):103–9. doi:

10.5430/wjel.v12n3p103.

- Anvari, Roya, and Dauda Mohammed Atiyaye. 2014. "Determinants of Effective Communication among Undergraduate Students." *International Education Studies* 7(9):112–21. doi: 10.5539/ies.v7n9p112.
- Awaludin, Ain Nabiha binti, and Aizan binti Ali. 2024. "Communication Skills Among Students of Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya (AISUM): Issues and Solutions." *Journal of Al-Muqaddimah* 12(1):75–95.
- Awaludin, Ain Nabiha binti, and Aizan binti Ali @. Mat Zin. 2024. "Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Mahasiswa Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (Apium): Isu Dan Solus." *Journal Of Al-Muqaddimah* 12(1):75–95.
- Baird, Anthony M., and Satyanarayana Parayitam. 2019. "Employers' Ratings of Importance of Skills and Competencies College Graduates Need to Get Hired: Evidence from the New England Region of USA." *Education and Training* 61(5):622–34. doi: 10.1108/ET-12-2018-0250.
- Bhatia, Jasvinder Kaur, Abhishek Chaturvedi, Karuna Datta, and A. M. Ciraj. 2021. "Enhancing Communication Skills among Residents in India: An Interprofessional Education Approach." *Medical Journal Armed Forces India* 77:S115–21. doi: 10.1016/j.mjafi.2020.12.027.
- Che Noh, Che Hasniza, Mohd Yusri Ibrahim, Isma Rosila Ismail, Mohammad Mahdi Abas, Nurul Ain Chua Abdullah, and Noor Aisyah Abd Aziz. 2022. "The Relationship between the Use of E-Learning and Students' Communication Competencies at Universiti Malaysia Terengganu." *EDUCATUM Journal of Social Sciences* 8(Special):24–36. doi: 10.37134/ejoss.vol8.sp.3.2022.
- Cuic Tankovic, Ana, Jelena Kapeš, and Dragan Benazić. 2022. "Measuring the Importance of Communication Skills in Tourism." *Economic Research-Ekonomska Istrazivanja* 0(0):1–20. doi: 10.1080/1331677X.2022.2077790.
- Erozkan, Atilgan. 2013. "The Effect of Communication Skills and Interpersonal Problem Solving Skills on Social Self-Efficacy." *Kuram ve Uygulamada Egitim Bilimleri* 13(2):739–45.
- Hamid, Nabihan Mohd, Mohd Effendi, and Ewan Mohd. 2022. "Isu Dan Cadangan Terhadap Penilaian Pembentangan Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar TVET : Suatu Pemerhatian Awal (Issues and Suggestion against the Communication Presentation Evaluation among TVET Students : A Preliminary Observation)." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7(3):0–5.
- Hariyanto, H., S. Yamtinah, S. Sukarmin, S. Saputro, and L. Mahardiani. 2019. "The Analysis of Student ' s Verbal Communication Skills by." *International Conference on Science and Applied Science (ICSAS) 2019* 020064.
- Holik, Ildikó, and István Dániel Sanda. 2020. "The Possibilities of Improving Communication Skills in the Training of Engineering Students." *International Journal of Engineering Pedagogy* 10(5):20–33. doi: 10.3991/ijep.v10i5.13727.
- Ibrahim, Noor Afzaliza Nazira, and Maizatul Haizan Mahbob. 2021. "Students' Personal Skills as a Form of Communication Skills and Their Importance in the Job Market." *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 37(1):209–26. doi: 10.17576/JKMJC-2021-3701-12.
- Ichsan, A. F. R. A., R. Adawiyah, and Wilujeng. 2020. "Analysis of the Ability of Students ' Communication Skills and Self-Efficacy on Science Instruction." *The 5th International Seminar on Science Education* 1440:1–8. doi: 10.1088/1742-6596/1440/1/012088.
- Iksan, Zanaton Haji, Effendi Zakaria, Tamby Subahan Mohd Meerah, Kamisah Osman, Denise Koh Choon Lian, Siti Nur Diyana Mahmud, and Pramela Krish. 2012. "Communication Skills among University Students." *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 59(October):71–76. doi:

- 10.1016/j.sbspro.2012.09.247.
- Ismail Rani, Nurul Jamilah, and Norfaizah Othman. 2022. "Tahap Kemahiran Komunikasi Pelajar Semasa Menjalani Latihan Industri." *International Conference on Management and Muamalah 2022* (ICoMM):253–58.
- Kalia, Meenu, Ravi Rohilla, Amrit Virk, and Naveen Krishan Goe. 2022. "Introducing Communication Skills Training among Interns Using Attitude, Ethics, and Communication Module." *Indian Journal of Community Medicine* 47. doi: 10.4103/ijcm.IJCM.
- Kenayathulla, Husaina Banu, Nor Aziah Ahmad, and Abdul Rahman Idris. 2019. "Gaps between Competence and Importance of Employability Skills: Evidence from Malaysia." *Higher Education Evaluation and Development* 13(2):97–112. doi: 10.1108/heed-08-2019-0039.
- Khoiriah, Agus Suyatna, Abdurrahman, and Tri Jalmo. 2023. "Communication Skills in Learning: An Integrative Review." Pp. 365–78 in *ICOPE 2022*. Vol. 1. Atlantis Press SARL.
- Krishnan, Isai Amutan, Hee Sio Ching, Selvajothi Ramalingam, and Elantamil Maruthai. 2019. "An Investigation of Communication Skills Required by Employers from the Fresh Graduates." *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 27(3):1507–24.
- Kusmiarti, Reni, and Ira Yuniati. 2020. "Improving Student Communication Skills in Learning Indonesian Language through Collaborative Learning." *INTERNATIONAL JOURNAL OF SCIENTIFIC & TECHNOLOGY RESEARCH* 9(01):207–11.
- Manan, Kamaruzzaman Abdul, and Che Mahzan Ahmad. 2017. "Kepentingan Komunikasi Dalam Latihan." *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi* 4(1):1–23.
- Mata, Ádala Nayana de Sousa, Kesley Pablo, Morais De Azevedo, Liliane Pereira Braga, Gidyenne Christine, Bandeira Silva, Victor Hugo, De Oliveira Segundo, Isaac Newton, Machado Bezerra, Isac Davidson, Santiago Fernandes, and Ismael Martinez Nicolás. 2021. "Training in Communication Skills for Self - Efficacy of Health Professionals : A Systematic Review." *Human Resources for Health* 1–9. doi: 10.1186/s12960-021-00574-3.
- Mohd Dazali, Nurul Salmi, and Mohd Isha Awang. 2014. "Communication Skill among Undergraduate Students of Education in Northern Malaysia." *Malay Language Education Journal – MyLEJ* 4(2):44–56.
- Morsidi, Suraya, Norazrena Abu Samah, Khairul Anuar Abdul Rahman, Zakiah Mohamad Ashari, Nurul Farhana Jumaat, and Abdul Halim Abdullah. 2021. "WhatsApp and Its Potential to Develop Communication Skills among University Students." *International Journal of Interactive Mobile Technologies* 15(23):57–71. doi: 10.3991/ijim.v15i23.27243.
- Ngadiman, Siti Halijah, and Mohd Faizal Jamaludin. 2018. "Hubungan Di Antara Kemahiran Kerja Berpasukan Dan Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Semesta Akhir Politeknik." *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 3(19):1–18. doi: <http://www.ijepc.com/PDF/IJEPc-2018-19-09-01.pdf>.
- Noor Lina Mohd Yusuf, Syed Lamsah Syed Chear, Melor Md Yunus, and Denise Koh. 2022. "Pendekatan Main Peranan Dalam Meningkatkan Kemahiran Komunikasi Pelajar Institut Pengajian Tinggi." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 47(1):89–100.
- Noor, Nur Emeliya Natasha Bt Mohd, and Moey Soo Foon. 2022. "Factors Affecting the Communication Skills Among the Medical Imaging Undergraduate Students at The International Islamic University Malaysia (IIUM) Article History : Abstract : Introduction : Results :". *IJAHS* 6(2).
- Ong, Teresa Wai See, Su-Hie Ting, Humaira Raslie, Ernisa Marzuki, Kee-Man Chuah, and Collin Jerome. 2022. "University Students' Communication and Employability Skills: Mismatch Perspectives of Students, Lecturers, and Employers in Sarawak, Malaysia." *NOTION: Journal of*

- Linguistics, Literature, and Culture* 4(2):93–103. doi: 10.12928/notion.v4i2.6003.
- Palos, Ramona, and Merima Carmen Petrovici. 2014. “Perceived Importance of Communication Skills and Their Predictive Value for Academic Performance.” *Revista de Cercetare Si Interventie Sociala* 46(December):85–98.
- Palpanadan, Sarala Thulasi, Iqbal Ahmad, and Venosha K. Ravana. 2019. “Factor Analysis Of English Communication Competency Among Malaysian Technology.” *International Journal of Mechanical Engineering and Technology (IJMET)* 10(03):808–17.
- Pujiana, Elma, Eli Rohaeti, Suyanta Suyanta, Lisyia Asmiati, Dwiani Ratna Sari, and Syaza Syahana. 2024. “The Role of Communication Skills in Guided Inquiry Process to Improve Critical Thinking Skills.” *Jurnal Penelitian Pendidikan IPA* 10(3):1458–64. doi: 10.29303/jppipa.v10i3.6351.
- Reith-Hall, Emma, and Paul Montgomery. 2023. “Communication Skills Training for Improving the Communicative Abilities of Student Social Workers: A Systematic Review.” *Campbell Systematic Reviews* 19.
- Rodzalan, Shazaitul Azreen, Lily Suriani Mohd Arif, and Maisarah Mohamed Saat. 2016. “An Investigation of Students’ Communication Skill Development: Pre and Post Industrial Training.” *Man in India* 96(1–2):513–24.
- Royo, Abdillah, and Suriani Muda. 2011. “Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Penguasaan Kemahiran Komunikasi Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Perdana Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Di Universti Teknologi Mara.” *University Teknoloi Malaysia Instituijonal Repository* 9.
- Sabbah, Suheir Suliman, Fadwa Hallabieh, and Ola Hussein. 2020. “Communication Skills among Undergraduate Students at Al-Quds University.” *World Journal of Education* 10(6):136. doi: 10.5430/wje.v10n6p136.
- Salleh, Danilah, Ifa Rizad Mustapa, Hafizah Abd Mutalib, Norhaiza Khairudin, and Rozainee Khairudin. 2020. “Cultivating Students’ Communication Skills and Psychological Well-Being through Problem Based Learning (PBL).” *Jurnal Psikologi Malaysia* 34(3):159–75.
- Sengpoh, Lim. 2023. “Pembelajaran Aktif Memperkasakan Pemikiran Kritis , Kemahiran Berkolaboratif Dan Berkomunikasi Di Kalangan Pelajar-Pelajar.” *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Teknologi Malaysia (JPPTM)* 1(3):4–12.
- Shrivastava, Geetanjali, Durdana Ovais, and Neelakshi Arora. 2021. “Measuring the Walls of Communication Barriers of Students in Higher Education During Online Classes.” *Journal of Content, Community and Communication* 13(7):263–72. doi: 10.31620/JCCC.06.21/22.
- Shubhda, Parmar, and B. Ed. 2020. “Communication Skills Important For University Students.” *International Journal of Creative Research Thoughts (IJCRT) Wwww.Ijcrt.Org* 8(4):2320–2882.
- Skarbalienė, Aelita, Egidijus Skarbalius, Lina Gedrimė, and Lolita Rapolienė. 2019. “Self-Assessment Of Communication Skills Of Healthcare Professionals: A Quantitative Study.” Pp. 277–86 in *Proceedings of the International Scientific Conference*.
- Sopi, Nur Afiza Md, and Hasyamuddin Othman. 2024. “Communication Skills of Vocational College Students After Completing Industrial Training.” *Research And Innovation In Technical And Vocational Education And Training* 4(2):77–85.
- Sumaiya, Bushr, Subodh Srivastava, Vipin Jain, and Ved Prakash. 2022. “The Role of Effective Communication Skills in Professional Life.” *World Journal of English Language* 12(3):134–40. doi: 10.5430/wjel.v12n3p134.
- Taher, Fatin Izati Mohd, and Khadijah Abdul Razak. 2022. “Penguasaan Kemahiran Komunikasi Pelajar Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Berorientasikan Animasi.” *International Journal Of*

- Education, Psychology And Counselling (Ijepc)* 7(45):501–15. Doi: 10.35631/Ijepc.745038.
- Vogel, Daniela, Marco Meyer, and Sigrid Harendza. 2018. “Verbal and Non-Verbal Communication Skills Including Empathy during History Taking of Undergraduate Medical Students.” *BMC Medical Education* 18(1):1–7. doi: 10.1186/s12909-018-1260-9.
- Yahaya, Azizi. 2009. “The Relationship of Self-Concept And Communication Skills Towards Academic Achievement Among Secondary School Students In Johor Bahru.” *International Journal of Psychological Studies* 1(2):25. doi: 10.5539/ijps.v1n2p25.
- Yaseen, Talha, Rabia Peerzada, Asad Ali, and Shabeer Hussnain. 2021. “Importance of Communication Skills for Successful Career.” *International Journal of Innovative Science and Research Technology* 6(12):217–21.
- Zhang, Li-Na. 2018. “Importance of Interpersonal Skills at Work towards Managing People in an Educational Context.” Pp. 29–34 in *dvances in Economics, Business and Management Research*. Vol. 54.